

DEFINISI DAN JENIS VIRUS

Penulis : Noorfazlina binti Jusoh

Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Bahagian : Unit Pengkomputeran Bukan Akademik, Seksyen Perkhidmatan ICT

Istilah virus komputer bukanlah suatu yang asing apabila kita bercerita tentang teknologi komputer. Ia berkembang pesat seiring dengan kepantasan teknologi komputer itu sendiri. Virus komputer merupakan program ciptaan manusia yang dicipta dengan tujuan untuk melakukan kemusnahan atau kerosakan kepada sistem komputer. Virus diprogramkan untuk melakukan pelbagai perkara seperti memusnahkan fail maklumat atau fail sistem komputer, menyepakkan kandungan cakera keras dengan bertindak membuat salinan yang banyak pada setiap fail yang dijangkiti, memformat cakera keras dan banyak lagi.

Untuk dikategorikan sebagai virus, ia mesti memenuhi 2 kriteria. Pertama, ia mesti boleh menjalankan dirinya sendiri dengan menempatkan kodnya dalam program lain. Kedua, program itu mesti boleh melakukan percambahan sendiri dengan menggantikan fail komputer sedia ada dengan fail yang dijangkiti virus.

Terdapat juga virus yang diprogramkan untuk bertindak pada masa atau hari tertentu; yang telah ditetapkan oleh penciptanya.

Contohnya ialah virus Michelangelo yang menyebabkan kemusnahan amat besar pada tahun 1991. Ia diprogramkan untuk aktif pada hari lahir pencipta virus tersebut. Komputer yang telah dijangkiti virus ini akan menyebabkan cakera keras komputer tersebut diformat; apabila komputer tersebut dihidupkan pada tarikh hari lahir penciptanya.

Terdapat banyak cara virus boleh merebak atau menjangkiti komputer lain.

Contohnya melalui perkongsian penggunaan disket atau pen drive yang telah dijangkiti virus, perkongsian fail dalam rangkaian, melalui emel (biasanya disertakan melalui attachment), dari program atau perisian yang dimuat turun melalui internet dan tidak terkecuali melalui ruang chat seperti mIRC.

Oleh itu, amat penting bagi sesebuah komputer mempunyai perisian antivirus bagi menangkis ancaman virus komputer. Pastikan perisian antivirus itu selalu dikemaskini secara kerap dan berterusan. Selain itu, pastikan perisian antivirus anda boleh mengimbas emel dan laman web semasa melayari internet.

Tambahkan lagi keselamatan komputer anda dengan memasang perisian Firewall bagi menghalang capaian yang tidak dibenarkan kepada komputer anda.

~ Jenis Virus ~

Berikut beberapa jenis virus yang biasa ditemui hari ini :-

Trojan - replika atau salinan virus. Trojan dimasukkan sebagai virus kerana sifat program yang tidak diingini dan bekerja dengan sendiri pada sesebuah komputer dan mengawalinya secara automatik.

Worm - dikenali juga sebagai cecacing berfungsi melakukan serangan dan menyebarkan serta mengambil data dan mengirim e-mel secara diam tanpa diketahui pemiliknya.

Hijacker - memasuki fungsi browser (pelayar web) dan mengawalinya mengikut kemahuannya.

Spyware - program yang secara diam masuk ke dalam komputer dan bertindak seperti pengintip seterusnya mencuri data. Data yang dicuri akan dihantar secara rahsia kepada pihak ketiga. Maklumat ini terdiri daripada laman web yang pernah anda lawati, jenis pelayar web dan maklumat sistem serta alamat IP anda.

Adware - sebenarnya berfungsi sebagai tapak promosi atau iklan berbentuk banner. Ia akan memaparkan iklan tertentu apabila anda melayari internet.

Browser Helper Object (BHO) - virus yang menampilkan link pada toolbar. Umumnya, BHO juga bertindak sebagai pengintip dan mencatat kegiatan pengunjung internet, di samping menambah pelayar web anda dengan toolbar khusus.

Browser Hijackers - perisian iklan yang akan mengubah ketetapan pelayar web seperti laman web tetap, carian dan toolbar pelayar, membina ikon dan memaparkan pop-up iklan secara banyak. Apabila pelayar web berjaya dirampas, perisian ini akan terus menerus membawa pengguna ke laman web pengiklan.

Keylogger - program yang masuk ke dalam komputer dan mencatat apa yang pengguna taip di papan kekunci serta yang dilayari di internet dan mengirim maklumat kembali kepada penciptanya.

Retrospies - program yang sengaja cuba mematikan fungsi antispyware.

Scumware - program yang tidak diingini dan masuk ke dalam komputer tanpa izin pemilik komputer tersebut.

Search Hijackers - kawalan yang dilakukan oleh sesebuah enjin carian pada browser. Bila tersalah menulis alamat, program biasanya menampilkan banyak pop up iklan yang tidak berkaitan.

Surveillance Software - salah satu program yang berbahaya kerana mencatat kegiatan pada sesebuah komputer termasuk data penting dan kata laluan. Program ini sangat pintar dan mengirim data setelah seseorang selesai melakukan aktiviti.

Thiefware - difungsikan untuk mengarahkan pengunjung web ke web lain yang mereka kehendaki.